



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**1 DISEMBER 2017**

1. Kami boleh tolong jaga; Harian Metro
2. Gerombolan bedil lembu; Harian Metro
3. Pengeluaran rumput napier diperluaskan; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="44"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> REBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
1 Disember 2017			

**44 setempat**

01-12-2017

**Hotel kucing mampu terima 40 haiwan belaan pada satu-satu masa**

**Mohamad Yatim Latip**  
am@hmetro.com.my

**Melaka**

**B**ermula dengan perniagaan hiasan dalam, Zuriana Jasmani, 47, kini memberi tumpuan kepada perkhidmatan hotel kucing berikutan permintaan tinggi dalam kalangan pencinta haiwan peliharaan itu.

Zuriana berkata, sebagai pencinta kucing, dia memahami masalah dihadapi pemilik haiwan itu terutama jika terpaksa meninggalkan rumah dalam tempoh lama atas urusan kerja atau sebagainya.

Berikutan itu dia yang turut memelihara lima ekor kucing menawarkan perkhidmatan hotel kucing kepada pemilik haiwan terba-

# ‘Kami boleh tolong jaga’



bit sejak enam bulan lalu dan mendapat sambutan amat menggalakkan.

“Tak kira baka apa sekali pun, jenis import atau domestik (kucing kampung) bila sudah sayang pemilik jadi serba salah untuk tinggalkan kucing mereka dalam tempoh lama tanpa pengawasan manusia.”

“Setakat ini hotel kucing saya mempunyai lebih 40 sangkar untuk menempatkan haiwan itu yang ditinggalkan pemilik masing-masing,” katanya ketika ditemui di

hotel kucing miliknya di Jalan Baru, Duyong di sini, semalam.

Katanya, keluarga terutama anak lelakinya Muhammad Arif Harithah Hairul Ni-

zam, 21, kerap membantu menguruskan hotel kucing berkenaan seperti memberi makan dan membersihkan sangkar.

Menurutnya, pada kebiasaan pelanggan menggunakan perkhidmatannya adalah dalam kalangan penjawat awam atau pekerja swasta perlu menghadiri kursus, mahu bercuti dan menunaikan ibadah umrah.

“Namun kucing dihantar mestilah dalam keadaan sihat, bebas daripada sebarang penyakit. Ada dua kategori kucing dihantar ke sini iaitu ibu bersama anak masih menyusu dan kucing dewasa.

“Selain menjana pendapatan saya, juga seronok kerana berpeluang membelai pelbagai kucing baka tersohor seperti parti, flat face dan maine coon. Bagi penjagaan pula saya atau anak akan pantau makan minum haiwan ini 24 jam sehari,” katanya.

Dia memberitahu kucing berkenaan juga boleh dimandikan, namun bergantung kepada permintaan daripada pelanggan yang kebiasaannya dari Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka.

PELBAGAI jenis kucing yang dihantar pelanggan.

MUHAMMAD Arif Harithah Hairul Niizam, 21, kerap membantu menguruskan hotel kucing berkenaan.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : tengah</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="4"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
1 Disember 2017			

**Lapan penjenayah lapah ternakan di ladang sawit kantoi**

**Gerombolan bedil lembu**

Abnor Hamizam Abd Manap  
am@hmetro.com.my

**Jejebu**

Lapan penjenayah termasuk enam anggota polis dan tentera ditahan selepas dipercayai terbabit menembak dan cuba melarikan haiwan ternakan dari sebuah ladang sawit di Kampung Lakat di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, suspek berusia 30 hingga 40-an yang menaiki dua pacuan roda masuk ke kawasan ladang berkenaan dengan menyamar sebagai kaki tangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk menjalanakan pemeriksaan.

Sumber berkata, suspek dikatakan menembak dua lembu dan empat kambing milik penduduk di kawasan ladang itu menggunakan senapang patah serta pistol.

Akibat tembakan itu, katanya, enam haiwan ternakan terbabit mati dibunuh.

Suspek turut memotong lembu kepada dua bahagian sebelum dipunggal masuk ke dalam kenderaan dibawa.

**SENJATA** api dipercayai digunakan untuk menembak haiwan ternakan dirampas.

"Setengah jam kemudian, suspek dilihat keluar dari kawasan ladang berkenaan. Namun beberapa penduduk yang curiga dengan kehadiran mereka menahan

**HAIWAN** ternakan yang dibunuh dipotong sebelum dipunggal ke dalam kenderaan dibawa.

kenderaan di laluan keluar.

"Penduduk melakukan pemeriksaan dan menemui semua haiwan dibunuh yang ditutupi guani disembunyikan di ruang simpanan dipercayai bagi mengelak ditemui," katanya.

Menurut sumber, suspek dipercayai mahu menjual daging haiwan itu kepada pihak tertentu.

Katanya, penduduk menahan semua suspek terbabit dan menghubungi polis untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jejebu Deputi Super-

**KAMARUL Rizal**






MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Agro</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="7"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
1 Disember 2017			

**HARIAN METRO**  
JUMAAT 1 DESEMBER 2017

**RENCANA**

Mohd Rafi Mamat  
rencana@hmetro.com.my

Jabatan Pertanian (DOA) menadi agensi bertanggungjawab memulakan projek tanaman rumput Napier membabitkan kawasan seluas 230 hektar di tiga negeri bagi memenuhi permintaan industri tenusu negara yang kini semakin berkembang.

Projek menelan belanja RM5.3 juta itu membabitkan kawasan seluas 160 hektar di Pahang diikuti 82 hektar di Johor dan 20 hektar di Negeri Sembilan yang dimulakan secara berperingkat jabatan serta syarikat swasta.

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan) Datuk Jabar Shaik Mohideen berkata, ladang pengeluaran rumput Napier seluas 20 hektar di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Negara (TKPN) Kuminan Kampung Tebat, Pahang menadi perintis kepada projek yang pertama diperkenalkan di negara ini.

Katanya, projek mula dimulakan pada November tahun lalu mampu mengeluarkan rumput 36,800 tan setahun khusus untuk projek pembangunan industri tenusu negara yang beroperasi di Muadzam Shah, Rompin.

"DOA bertanggungjawab sepenuhnya memajukan kawasan seluas 10 hektar projek di Kampung Tebat sememara 10 hektar lagi diserahkan kepada syarikat yang berminat menjalankannya.

"Pengeluaran pertama rumput Napier yang mampu bertahan antara lima dan lapan tahun diangka awal tahun depan dengan harga pasaran 30 sen sekilogram.

"Saya yakin projek dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PV) Pahang mampu memampung permintaan rumput untuk projek Lembah Tenusu Muadzam Shah yang kini muncul pengeluar susu negara yang berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam program demonstrasi dan 'hands-on' projek pengeluaran Napier di TKPN Kampung Tebat, Pahang, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Tanaman Ternakan dan Perikanan (ITP) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Bangsar Munga, Pengarah PV Pahang Datuk Dr Norlizan Mohd Noor serta Timbalan Pengarah DOA Pahang Mohd Yusoff Sadi Sunan Jabar berkata, pihaknya

# PENGELUARAN RUMPUT NAPIER DIPERLUASKAN

Kawasan seluas 230 hektar di 3 negeri untuk penuhi permintaan industri tenusu negara

**AGRO 7**



**RUMPUT Napier** yang di tanam di **Taman Kekal Pengeluaran Negara (TKPN) Kampung Tebat Pekan.**

geran padanan bernilai RM250,000," katanya.

Menurutnya, projek pembangunan industri tenusu negara tidak akan berjaya jika usaha mengeluarkan rumput Napier yang menadi makanan utama lembu tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh DOA.

"Kajian dijalankan mendapati seekor lembu tenusu yang mencapai berat 350 kilogram (kg) memerlukan rumput Napier 35 kilogram sehari, pengeluaran susu akan terjejas jika makanan tidak cukup.

"Saya yakin dengan usaha dilakukan DOA, bekalan rumput Napier untuk projek pembangunan industri tenusu negara terus bertambah bagi menampung permintaan," katanya.

Sementara itu, Dr Norlizan berkata, kini ada lebih 2,000 lembu di Lembah Tenusu Muadzam Shah yang memerlukan 70,000 kilogram rumput sehari.

Katanya, rumput Napier adalah makanan utama lembu tenusu dan makanan tambahan turut diberikan setiap hari bagi memastikan haiwan berkenaan sentiasa dalam keadaan sihat, cergas dan aktif seterusnya mampu mengeluarkan banyak susu.

**JABAR** (dua dari kiri) menanam rumput Napier.



Kajian dijalankan mendapati seekor lembu tenusu yang mencapai berat 350 kilogram memerlukan rumput Napier 35 kilogram sehari, pengeluaran susu akan terjejas jika makanan tidak cukup

**JABAR**

akan terus memperluaskan projek tanaman rumput Napier di negeri ini tahun depan khusus dimajukan oleh syarikat dan individu berpengalaman.

"Syarikat yang diterima menjalankan projek di atas tanah kerajaan layak menerima bayaran RM12,000 sehektar iaitu 70 peratus daripada insentif pembangunan ladang RM18,000 sehektar.

"Projek diusahakan di atas tanah sendiri pemaju layak menerima RM9,000 sehektar iaitu 50 peratus daripada insentif bantuan pembangunan ladang RM18,000 sehektar.

"Sementara syarikat yang dipilih sebagai peneraju pula layak menerima



**AKTIVITI** menanam rumput napier menggunakan jentera di Taman Kekal Pengeluaran Negara (TKPN) Kampung Tebat.